



IBU Pejabat Felda Holding.



DR. MAHATHIR di majlis Anugerah Ladang Bahagia Negara sempena Hari Pekerja 2003.

“Walaupun minyak sawit dijadikan mangsa serangan pengeluar minyak soya dari Amerika dan Eropah, tetapi Dr. Mahathir tetap bertegas mempromosikan minyak sawit tempatan”

Penyenaraian Felda penghormatan bersejarah Felda Holding ke bursa saham

UM 31/10/2003 - 46 PRECISE

Oleh SAHBULAH DARWI

SATU demi satu kejayaan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) berjaya diukir sejak ditubuhkan 47 tahun lalu sehingga menjadikan ia sebagai agensi tanah yang paling berjaya di rantau dan dunia.

Pencapaian terbesar dan paling mutakhir bagi agensi tanah Felda ialah penyenaraian dalam Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Ini diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika pembentangan Bajet 2004 September lalu, sebagai salah satu langkah untuk

memantapkan lagi agensi itu.

Dengan penyenaraian tersebut, Felda dijangka berupaya mendapatkan modal dari pasaran dan tidak lagi perlu bergantung kepada Kerajaan untuk sumber kewangannya.

Pada masa yang sama, kerajaan juga akan mendapat pulangan daripada penyenaraian berkenaan yang juga akan memberi faedah kepada Kumpulan Felda, peneroka dan koperasi serta kerajaan negeri yang telah memberi tanah untuk dibangunkan sebagai ladang Felda.

Berita baik itu memberi peluang kepada golongan peneroka Felda untuk memegang ekuiti dalam syarikat yang disenaraikan, iaitu sebagai ahli dan individu.

Pengerusi Felda, Tan Sri Dr. Yusof Noor berkata, langkah terbaru kerajaan itu merupakan kemuncak daripada pelbagai sumbangan dan jasa besar Dr. Mahathir kepada Felda.

Beliau berkata, ia adalah langkah bersejarah kepada agensi berusia 47 tahun itu termasuk golongan peneroka kira-kira 103,000 keluarga di 275 tanah rancangan Felda di seluruh negara.

“Saya kira pengumuman itu merupakan kemuncak daripada siri revolusi yang mampu menyedarkan masyarakat peneroka agar dapat bersaing dengan pengeluar-pengeluar minyak makanan dan soya dari



MOHD.YUSOF NOOR

negara lain,” katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika ditemui Utusan Malaysia di tapak Ekspo Sidang Kemuncak Ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya, baru-baru ini.

Yusof berkata, sebenarnya sumbangan-sumbangan yang dicurahkan oleh Dr. Mahathir kepada Felda sememangnya tidak mampu dibilang lagi.

Katanya daripada perspektif Felda, Dr. Mahathir selain daripada pemimpin politik beliau juga adalah pencetus kepada revolusi pertanian negara.

“Idea paling penting yang diberi adalah untuk menjadikan bidang perladangan terutama minyak sawit sebagai satu komoditi yang bukan sahaja terkenal dalam negara dan rantau ini

malahan di seluruh dunia,” katanya.

Beliau berkata, buktinya telah hampir kesemua negara yang dilawati oleh Perdana Menteri atas urusan rasmi atau tidak, Dr. Mahathir pasti mengambil kesempatan untuk mempromosikan minyak sawit keluaran tempatan.


Sedangkan pada waktu-waktu tertentu imej minyak sawit agak terjejas disebabkan oleh kempen memburukkan komoditi itu yang didalangi oleh pengeluar minyak soya dari Amerika Syarikat (AS) dan negara-negara Eropah.

Perdana Menteri terus gigih mempromosikan minyak sawit dan memperbetulkan tanggapan salah walaupun kadang kala seperti melawan arus antarabangsa.

“Walaupun minyak sawit dijadikan mangsa serangan dan bahan kecaman oleh pengeluar minyak soya dari Amerika dan Eropah, tetapi Dr. Mahathir tetap bertegas mempromosikan minyak sawit tempatan,” kata Yusof lagi.

Beliau berkata, promosi dan usaha menambatkan nilai eksport minyak sawit sentiasa diberi perhatian oleh Perdana Menteri walaupun kadang kala beliau terlalu sibuk dengan pelbagai isu.

Lihat muka 47



DR. MAHATHIR memberi amanat kepada peneroka.



DR. MAHATHIR bersama keluarga peneroka.



PEMBUKAAN awal tanah rancangan.

Sambungan
dari muka 46

"Mungkin ramai yang tidak sedar, tetapi kalau diteliti betul-betul, kita dapati bahawa Perdana Menteri adalah pemimpin yang seolah-olah pekerja Felda ketika di luar negara dalam kegigihannya membangunkan industri sawit," katanya.

Yusof berkata, hari ini apa yang dilakukan Dr. Mahathir ternyata membuahkan kejayaan dan kini tanggapan buruk mengenai minyak sawit di luar negara berjaya ditangkis.

Beliau berkata, keadaan itu menyebabkan eksport minyak sawit meningkat dengan drastik sehingga membolehkan Felda meneruskan pelaburan di Pakistan, India dan China dengan jaya.

Kejayaan itu memberi kesan besar kepada Felda yang mempunyai rancangan tanah seluas 811,140 hektar dengan ladang sawit berkeluasan 655,184 hektar atau 80.77 peratus daripada keseluruhan tanah yang dimilikinya.

Peratusan yang kecil penggunaan tanah digunakan untuk tanaman lain iaitu getah sebanyak 18.42 peratus, tebu (0.58 peratus), koko (0.19 peratus) dan lain-lain (0.04 peratus).

Pada 18 Oktober lalu, satu lagi perjanjian termeterai antara Felda

dan Qasim Port Authority, Pakistan mengenai kerjasama penyimpanan minyak kelapa sawit yang turut disaksikan oleh Dr. Mahathir.

Yusof berkata, Dr. Mahathir turut memberi sumbangan besar dalam mengubah sikap peneroka agar golongan berkenaan mempunyai mentaliti yang tidak bergantung kepada bantuan.

"Hasilnya, sekarang terdapat sebahagian besar masyarakat peneroka terutama generasi muda sudah terlibat dengan kegiatan keusahawanan untuk menjamin pendapatan yang lebih baik pada masa depan," katanya.

Selain itu, Dr. Mahathir juga dari semasa ke semasa membuat gesaan agar kesemua tanah rancangan Felda dimodernkan dengan pelbagai infrastruktur lengkap.

"Perdana Menteri kerap membuat gesaan agar diperkenalkan kampung moden kepada masyarakat peneroka yang kebanyakannya kaum Melayu agar dilihat teratur dan berdisiplin," katanya.

Yusof berkata, idea mewujudkan kampung moden yang dicetuskan oleh Dr. Mahathir hari ini kian menjadi realiti apabila tiga rancangan tanah telah dipilih untuk menyahut cabaran bagi memenuhi hasrat itu.

Tiga rancangan tanah itu ialah Trolak di Perak, Mengapa (Tanang) dan Berting (Negari Semang).

Ini adalah permulaan untuk merealisasikan visi

Dr. Mahathir agar kampung-kampung Melayu dalam rancangan tanah Felda menjadi kampung contoh, termoden, bersih dan mempunyai infrastruktur sesuai dengan keadaan masa," katanya.

Sebagai pengerusi Felda, beliau melihat Perdana Menteri adalah seorang yang hidupnya gigih berbakti kepada negara dan rakyat.

"Ada setengah orang yang tidak senang atau iri hati kalau lihat orang lain berjaya, tetapi sifat Dr. Mahathir ialah dia senang dan selesa kalau lihat orang lain berjaya," katanya.

Justeru katanya, apabila Felda berjaya maknanya itu adalah kejayaan kepada masyarakat peneroka dan negara.

"Harapan Perdana Menteri yang selalu disebut-sebut kepada masyarakat Felda ialah mesti bersatu kerana masyarakat yang bersatu sahaja boleh berjaya dan menjadi contoh kepada yang lain," katanya.

Yusof berkata, walaupun Dr. Mahathir akan mengundurkan diri tetapi misi dan visinya mengenai pembangunan tanah dan masyarakat peneroka pasti akan diteruskan oleh penggantinya.

Beliau berkata, jasa dan sumbangan Mahathir kepada masyarakat peneroka sememangnya terlalu banyak dan sebab itu masyarakat Felda mestilah berusaha untuk membalas jasa-jasa itu.

"Kalau Perdana Menteri telah sanggup menjadi jurujual yang mempromosikan minyak sawit kepada negara luar maka tugas peneroka ialah untuk menghasilkan yang terbaik sebagai salah satu cara menghargai Dr. Mahathir," katanya.

Yusof berkata, langkah itu termasuk usaha untuk meningkatkan kualiti dengan pengurusan ladang yang tersusun dan inisiatif berterusan bagi menambah kualiti dan kuantiti minyak sawit negara.

"Pada pendapat saya ini adalah cara yang paling sesuai untuk golongan peneroka menghargai sumbangan beliau.

Selain itu, katanya, golongan peneroka juga diminta agar meningkatkan taraf hidup mereka dengan berkecimpung dalam pelbagai aktiviti sampingan seperti keusahawanan dan sebagainya untuk memastikan hasrat Dr. Mahathir terlaksana.

KEMASUKAN peneroka ke tanah rancangan.



DR. MAHATHIR memerhati demonstrasi kraf tangan oleh penerokawati Felda.



PERDANA Menteri bermesra dengan warga peneroka.



"22 Tahun Bersamamu, Kita Bersama Mengecapi Kegemilangan...
47 Tahun Kami Berjuang, Akan Kami Teruskan Wawasanmu."

Felda Bangga Bersamamu.

Terima Kasih Dr. M

